



## **KENYATAAN MEDIA**

### **UNTUK SIARAN SEGERA**

#### **PTPTN BANTU 30,893 PELAJAR BAKAL KE IPTA MELALUI WANG PENDAHULUAN PINJAMAN**

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) terus komited memastikan tiada pelajar yang tercicir ke Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) kerana masalah kewangan. Pemberian Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) berjumlah RM1,500 kepada setiap pelajar yang layak untuk menampung sebahagian perbelanjaan bagi persiapan awal pelajar memasuki IPTA sekali gus menjaga kebajikan para pelajar.
2. WPP ini diberikan kepada pelajar-pelajar warganegara Malaysia yang telah memberikan persetujuan menerima WPP semasa memohon melalui *UPU Online* atau melalui portal kemasukan IPTA. Selain itu, ibu bapa atau penjaga pelajar merupakan penerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) serta memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Semenjak WPP diperkenalkan pada tahun 1999 hingga 31 Ogos 2023, seramai 969,046 pelajar telah menerima manfaat ini dengan peruntukan berjumlah RM1.43 bilion. Bagi kemasukan pelajar peringkat Ijazah Sarjana Muda ke IPTA sesi Oktober 2023 ini, seramai 30,893 pelajar telah ditawarkan WPP yang melibatkan peruntukan sebanyak RM46.34 juta.
3. Pelajar boleh membuat semakan tawaran WPP melalui portal rasmi PTPTN dan boleh menunaikan WPP tersebut di kaunter Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) di seluruh negara mulai 19 September 2023 dengan membawa surat tawaran WPP dan juga MyKad pelajar (wakil adalah tidak dibenarkan). Tempoh sah laku WPP adalah selama dua (2) bulan bermula 19 September 2023 hingga 18 November 2023.

4. Pengerusi PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim berkata, “Inisiatif pemberian WPP ini adalah sebagai salah satu usaha dalam menjayakan agenda pendidikan negara bagi memastikan semua pelajar di negara ini mampu melangkah masuk ke IPT tanpa sebarang masalah kewangan. Tahniah dan syabas kepada semua pelajar-pelajar di atas kejayaan melangkah ke menara gading.”

5. “Pemberian WPP ini adalah untuk membantu meringankan beban kewangan pelajar dan ibu bapa kerana kita percaya tidak semua mampu menghantar anak-anak ke IPT dimana semuanya memerlukan sumber kewangan yang tinggi. Gunalah peluang yang diberikan ini sebaik mungkin dan tunjukkanlah rasa terima kasih dengan belajar bersungguh-sungguh sehingga menjadi modal insan unggul kepada negara,” tambahnya lagi.

6. Untuk makluman, para pelajar boleh membuat permohonan pinjaman PTPTN secara dalam talian melalui portal rasmi PTPTN mengikut tarikh permohonan yang ditetapkan bagi setiap IPTA untuk memastikan pinjaman dapat diproses dan diluluskan sewajarnya. Pelajar yang ingin memohon pinjaman PTPTN perlu mempunyai akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN) yang boleh dibuka melalui aplikasi myPTPTN.

7. Para pelajar boleh merujuk kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar IPT masing-masing atau terus menghubungi PTPTN sekiranya terdapat sebarang pertanyaan. Maklumat lanjut berkenaan WPP PTPTN dan pinjaman PTPTN juga boleh diperoleh melalui portal rasmi [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my). Pelajar juga boleh mendapatkan maklumat dengan cepat, mudah dan selamat, hanya di hujung jari melalui aplikasi myPTPTN.